

Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia

Rumah Persekutuan,

Kuala Lumpur.

13hb Ogos, 1970.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 17 TAHUN 1970

Pepereksaan Khas Pembantu Kerani

Saya ada-lah di-arah menyatakan bahawa sukatan pepereksaan yang telah diluluskan bagi Pepereksaan Khas Kerani ada-lah seperti yang terkandung dalam [Lampiran](#) kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan ini.

2. Tujuan Pepereksaan Khas Kerani ia-lah bagi membolehkan Pembantu2 Kerani di-pertimbangkan bagi lantikan ka-dalam Perkhidmatan Pegawai Kerani, sabagai memenohi syarat di-perenggan 8 dalam sekim perkhidmatan bagi Pembantu Kerani.

3. Pepereksaan Khas Kerani adalah di-pecahkan kepada dua bahagian ia-itu :-

Bahagian I - Karangan, Surat Kiriman dan lain2.

Bahagian II - Kertas Am.

4. Pepereksaan ini akan di-adakan dua kali sa-tahun dan pada pertama kalinya dalam bulan November, 1970. Surat pengumuman berkenaan dengan pepereksaan yang akan di-adakan pada pertama kali itu akan di-keluarkan tidak berapa lama lagi.

5. Bagi pepereksaan yang akan di-adakan pada bulan November tahun ini, soalan2 bagi Bahagian II yang akan di-sediakan dalam kedua2 Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris dan calon2 akan di-benarkan memilih untuk menjawab-nya dalam salah satu bahasa itu. Dalam tahun 1971, soalan2 akan di-adakan dalam Bahasa Melayu sahaja tetapi calon2 boleh menjawab-nya dalam Bahasa Melayu atau dalam Bahasa Inggeris. Dalam tahun 1972, soalan2 akan di-sediakan dalam Bahasa Melayu dan calon2 mesti menjawab dalam Bahasa Melayu sahaja.

Saya Yang menurut perintah,

(YANG AMRI BIN KAMARUDDIN)

Bahagian Perjawatan,

b. P. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Setia Usaha Tetap/Setia Usaha Kementerian

Setia Usaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Kuala Lumpur.

Setia Usaha Persekutuan, Sarawak.

Setia Usaha Persekutuan Sabah

Pegawai2 Perjawatan (Persekutuan) Sabah dan Sarawak..

Salinan Kepada

: Yang Berhormat
Setia Usaha Kerajaan
Sarawak.

Yang Berhormat
Setia Usaha Kerajaan Negeri2
Di- Malaysia Barat.

PEPEREKSAAN KHAS KERANI

- | | | | |
|----|--|---|---|
| 1. | Keseringan dan tarikh pepereksaan | - | 2 kali sa-tahun |
| 2. | Pusat Pepereksaan Pengarah | - | Tempat2 yang di-persetujukan oleh Ketua Perkhidmatan Awam. |
| 3. | Permohonan2 di-kemukakan pengumuman | - | Saperti yang di-tetapkan dalam surat pepereksaan yang di-keluarkan dari semasa ke-semasa. |
| 4. | Tarikh akhir mengemukakan permohonan : | - | Sa-bulan sa-belom tarikh pepereksaan. |
| 5. | Sukatan pepereksaan. | - | |
| | (a) <u>Bahagian I</u> : | - | Karangan, surat kiriman dan lain2. (Masa 2 1/2 jam, markah 100) |

Bahagian ini akan mengandongi - soalan2 mengenai karangan,

merengkaskan karangan, surat kiriman dan perbendaharaan kata dengan pecahan-nya saperti berikut :-

- | | | |
|-------------------|---|--|
| <u>Pechahan A</u> | - | Surat Kiriman (Masa 30 Minit) |
| | | Chalun2 di-kehendaki mengarang satu surat kiriman yang panjang-nya lebeh kurang satu 100 perkataan mengenai salah satu daripada tajok2 yang diberikan, yang ada kaitan-nya dengan perkara2 resmi di-Pejabat2 Kerajaan. |
| <u>Pechahan B</u> | - | Karangan, rengkasan karangan dan lain2 |
| | | <u>Karangan</u> (Masa 1 jam) |
| | | Chalun2 di-kehendaki membuat satu karangan yang panjang-nya lebeh kurang 250 perkataan atau salah satu daripada tajok2 yang di-berikan. |
| | | <u>Rengkasan karangan:</u> (Masa 45 minit) |
| | | Chalun2 di-kehendaki merengkaskan satu petekan renchana supaya menjadi 1/3 panjang-nya daripada petekan asal. |
| | | <u>Perbendaharaan kata :</u> (Masa 15 minit) |

Chalun2 juga dikehendaki memberi ma'ana perkataan yang bergaris yang terdapat dalam petikan rencana di- atas. Chalun2 di-kehendaki menjawab semua soalan dari seksyen2 'A' dan 'B'.

Peringatan: Rojokan kepada buku2 teks atau lain2 bahan renchana tidak di-benarkan dalam pepereksaan.

(b) Bahagian II : - Kertas 'AM (Masa 2 jam, markah 100)

Bahagian ini akan di-pecahkan saperti di- bawah ini :-

Pechahan 'A' Soalan2 akan di-sediakan mengenai perkara2 susunan pentadbiran Kerajaan dan peratoran2 kerja di-pejabat Kerajaan. (Masa 1 jam).

Pechahan 'B' soalan2 akan di- sediakan mengenai perkara2 berikut :

- (i) Sejarah umum Tanah Melayu mulai dari pembentokan Empire Melaka sa-hingga pembentokan Malaysia.
- (ii) Adat resam dan istia' dat Masyarakat Malaysia.

Chalun2 di- kehendaki menjawab 4 soalan kesemua-nya iaitu 2 soalan dari Pechahan 'A' dan 2 lagi dari Pechahan 'B'

Peringatan: Rojokan kepada buku2 teks atau lain2 bahan bacaan tidak di - benarkan dalam pepereksaan.

- 6. Markah lulus : - 40% bagi tiap2 Bahagian
- 7. Pengechualian :
 - (i) Sa-saorang chalun yang lulus mana2 satu Bahagian ada-lah di-kechualikan daripada mengambil Bahagian tersebut lagi.
 - (ii) Sa-saorang chalun yang telah lulus Bahasa Melayu Syllabusx / Bahasa Malaysia II dalam pepereksaan2 Sijil Persekolahan Seberang Laut / Federation of Malaysia Certificate / Sijil Pelajaran Malaysia, adalah di kechualikan daripada mengambil Bahagian I pepereksaan Khas bagi Pembantu2 Kerani, dengan syarat ia membuat permohonan ka-Jabatan Perkhidmatan Awam dengan menyertakan satu salinan sijil yang berkenaan yang telah di-sahkan oleh Ketua pejabat-nya.
- 8. Pegawai2 yang berkelayakan mengambil pepereksaan : - Pembantu2 Kerani yang telah di-sahkan dalam, jawatan-nya.
- 9. Tujuan pepereksaan : - Untuk melayakkan bagi perlantekan ke-sekim Pegawai Kerani.
- 10. Pemereksa2 : - Akan di-lantekkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

CHATITAN

Bahan2 Bacaan

- [Bahagian I :
- (i) National Language & Administration (oleh: Abdullah Sanusi dan Hassan Ibrahim) - D.B. P.
 - (ii) Bahasa Melayu Baharu I dan II (oleh: Daud Baharom dan Mrs. Lee Chuan Siu).
 - (iii) Kamus Bahasa Kebangsaan (Dewan Bahasa dan Pustaka)
- Bahagian II :
- (i) (a) Buku Resmi Tahunan Malaysia (Di- semak dan di cetak tahunan oleh Penchetak Kerajaan.)
(b) Peratoran dan Amalan Pejabat.
 - (ii) Prinsip Perlembagaan dan Pmerentahan (oleh : Dato Mohd Salleh bin Abbas)
 - (iii) Adat resam, dan Istiadat (oleh: Syed Alwi Al-Hadi- Dewan Bahasa dan Pustaka).
 - (iv) History Of Malaya (oleh: Joginder Singh Jessey).]¹
-

1

Petekan bahagian ini membatalkan dan menggantikan Bahagian asal menurut [SPP. Bil 22/70](#) bertarikh 27.10.70. Bahagian Asal adalah seperti berikut :

- Bahagian I :
- (i) Bahasa Melayu Baharu, Bahagian I dan II (oleh Daud Baharom & Mrs. Lee Chuan Siu) - Oxford.
 - (ii) National Language & Adminisstration (Oleh: Abdullah Sanusi & Hassan Ibrahim) - D.B.P.
 - (iii) Kamus Bahasa Kebangsaan, (Dewan Bahasa dan Pustaka)
- Bahagian II :
- (i) (a) Buku Resmi Tahunan Malaysia (di-semak dan di-cetak tahunan oleh Pencetak Kerajaan)
(b) Peraturan dan Amalan Pejabat.
 - (ii) Adat resanm dan Istiadan (Oleh: Syed Alwi Al- Hadi -Dewan Bahasa dan Pustaka)
 - (iii) Prinsip Perlembagaan dan Pmerentahan (Oleh : Dato Mohd. Salleh bin Abbas)
 - (iv) Kebudayaan Sa-pintas Lalu (oleh: Mahmud Ahmad) Royal Press Singapura
 - (v) Malaysia - Survey (oleh Prof. Wang Gungwu).
 - (vi) 19th Century Malaysia (oleh C.D Cowan) - O.U.P London.
 - (vii) History of Modem Malaya (K.G. Tregonning) London.